

Headline **Mustapa tems laksana dasar**
Date **24. Mar 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **2**
Section **Nasional** Article Size **176** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Mustapa terus laksana dasar

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed akan meneruskan dasar yang dirangka dan dilaksanakan Tan Sri Muhyiddin Yassin, termasuk meningkatkan sinergi antara kementerian dengan universiti tempatan yang membuat penyelidikan dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, bekas menteri itu sudah meletakkan asas yang kukuh untuk memajukan sektor pertanian di negara ini dan beliau tentu sekali akan meneruskannya.

"Jika ada pembaharuan yang perlu, kita akan fikir dan kaji. Apapun, asas diletakkan Tan Sri Muhyiddin sudah mantap dan saya sendiri bersikap terbuka dalam hal ini.

"Saya bercadang meningkatkan sinergi di antara kementerian itu dengan semua universiti tempatan yang membuat penyelidikan dalam sektor itu, termasuk Universiti Putra Malaysia yang memberi fokus terhadap pertanian bagi meningkatkan mutu hasil pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis sambutan Maulidur Rasul di kediamannya di sini, semalam.

Mustapa yang bersyukur kerana diberi kepercayaan menerajui satu kementerian penting berkata, beliau akan menggunakan pengalaman selama dua tahun ketika berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi dan pengalaman di Kementerian Pengajian Tinggi dalam tugas baru ini.